

| | | | |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH | 4 / 7 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 10 | RUANGAN | NASIONAL |

Kedai makan tidak wajib sijil halal

KUALA LUMPUR - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pengusaha premis makanan tidak diwajibkan memohon sijil halal, namun digalakkan berbuat demikian secara sukarela.

Menurutnya, langkah itu sebagai tanda prihatin terhadap pengguna Islam di negara ini.

"Kerajaan tidak paksa semua kedai (pohon dan pameran sijil dan logo halal) kerana pasaran kita terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

"Jika kita wajibkan, kita terpaksa fikir tentang makcik berniaga nasi lemak di Kedah, nasi dagang di Kelantan dan keropok lekor di Terengganu yang duduk di kampung, dan tak pernah keluar tetapi terpaksa pula memohon sijil halal, maka tutup kedailah mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan program Bual Bicara Dar Assaadah di Pusat Perlindungan Dar Assaadah, di sini, semalam.

Pada masa sama, Jamil Khir turut mengingatkan pengusaha hanya sijil dan logo halal yang dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan jabatan agama Islam negeri atau majlis agama Islam negeri sahaja boleh dipamer.

Mereka yang mempamerkan si-



Jamil Khir (dua, kiri) bersalaman dengan peserta kursus Pengukuhan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS), di sini, semalam.

jal dan logo halal daripada agensi selain itu boleh dikena tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Mengenai dakwaan permohonan sijil dan logo halal mengambil masa lama untuk dilulus, Jamil Khir berkata, perkara itu tidak benar kerana semua permohonan yang memenuhi syarat akan dilulus dalam masa 30 hari.

Mengulas program Bual Bicara Dar Assaadah, Jamil Khir berkata, program itu bertujuan membuka minda remaja perempuan yang menghuni pusat perlindungan itu untuk memahami dan menerokai realiti kehidupan tokoh wanita me-

nerusi nasihat yang disampaikan kepada mereka.

Program itu dikendalikan ahli perniagaan, Datuk Maznah Hamid yang juga dikenali sebagai "Iron Lady" dan Johan Qariah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2009, Ustazah Sharifah Khasif Fadzillah Syed Badiuzzaman.

Selain tempat tinggal, Dar Assaadah yang dikendalikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, turut menyediakan kursus kemahiran masakan, kraf tangan dan jahitan yang diperakukan Institut Kemahiran Baitulmal dan Lembaga Akreditasi Negara. -Bernama